

Noor Azizan Rahman Paiman, Nur Adibah Nadiah Mohd Aripin, Izaddin Matraah (2018). Pencerahan Kronologi Pameran Still (A) Live. *Idealogy*, 3 (4): 24-39, 2019

Pencerahan Kronologi Pameran Still (A) Live

Noor Azizan Rahman Paiman¹, Nur Adibah Nadiah Mohd Aripin², Izaddin Matraah³

¹Faculty of Art and Design, University of Technology MARA, 32610 Seri Iskandar, Perak, Malaysia

²Faculty of Art and Design, University of Technology MARA, 32610 Seri Iskandar, Perak, Malaysia

³Faculty of Art and Design, University of Technology MARA, 32610 Seri Iskandar, Perak, Malaysia

me'REKA'cadang suatu pameran

- 1 Still (a) life diangkat sebagai tajuk pameran yang mana ideanya itu telah dilontarkan oleh para pensyarah muda di jabatan ini (Seni Halus). Pada mulanya mereka hanya mencadang menggunakan kata nama 'still live' sahaja dalam nada bersantai. Kata nama itu diwujudkan tidak lebih sebagai kepala tajuk pameran semata-mata, namun didapati ada logiknya kata nama itu ingin diguna pakai. Mereka menyatakan bahawa kata nama itu hanya sebagai 'tanda pemula' bagi menyatakan 'kewujudan' mereka dalam aktiviti 'berpameran', walaupun pada mata kasar khalayak mereka tampak sibuk dalam pekerjaan hakiki berteraskan aspek 'pengajaran dan pembelajaran'.
- 2 Mereka menjelaskan bahawa idea bagi mewujudkan pameran ini sebenarnya adalah suatu urgensi. Ia berpunca dari pandangan 'segelintir khalayak'¹ yang mendapati bahawa kebanyakan daripada mereka sudah tidak aktif dalam aktiviti berpameran. Khalayak berpendapat bahawa rutin tugas harian mereka dalam alam pekerjaan telah mengekang mereka dari terus berkarya. Perkara itu telah menyebabkan mereka terpenggil untuk 'membela diri'² bagi menjawab bahawa pandangan itu tidak berapa tepat. Mereka menyatakan bahawa pada hakikatnya mereka ini masih berkarya, walau bagaimanapun sistemnya tidak lagi sama seperti amalan praktik studio berlandaskan tekan-tubi ala 'regimen' seperti yang dialami oleh mereka semasa di alam menjadi

¹ 'segelintir khalayak' ini adalah terdiri dari pelajar-pelajar dan juga warga kerja di UiTM, Kampus Seri Iskandar, Perak.

² 'membela diri' disini membawa pengertian bahawa mereka menyatakan/mengesahkan

pelajar³. Amalan praktis studio itu masih dilestarikan, namun pendekatannya tidak sama diantara satu sama lain.

- 3 Pandangan khalayak itu akhirnya menjadi dorongan kepada pensyarah muda bagi membentuk suatu pameran bagi menyatakan bahawasanya mereka masih wujud dalam aktiviti pameran. Namun kewujudan mereka perlulah diamati nilainya dalam lingkungan pembicaraan konsep 'keberadaan' yang bukan bersifat 'mutlak' penilaiannya. Mereka ingin meleraikan persoalan itu dengan merancang suatu pameran yang diberi nama 'Still Life' sebagai kepala tajuk pameran. Melalui pameran ini juga mereka cuba menyatukan kesemua kakitangan akademik dari jabatan ini (Jabatan Seni Halus) bagi merealisasikan pameran ini. Inisiatif yang diambil mereka ini rata-rata disambut dengan rasa penuh hormat oleh kesemuanya, termasuk pensyarah-pensyarah senior.
- 4 Melalui perbincangan bersama pensyarah-pensyarah senior dalam sesi penerangan konsep pameran ini, ternyata kata nama "still life" itu pengertiannya bukan lagi seperti apa kita fahami secara asas selama ini. Dalam konteks sejarah pergerakan seni rupa, dimana kebiasaannya ia bermaksud;

A still life (also known by its French title, nature morte) painting is a piece that features an arrangement of inanimate objects as its subject. Usually, these items are set on a table and often include organic objects like fruit and flowers and household items like glassware and textiles.

The term "still life" is derived from Dutch words stilleven, which gained prominence during the 16th century. While it was during this time that the still life gained recognition as genre, its roots date back to ancient time.

- 5 Para sarjana menyatakan bahawa still life merupakan suatu genre seni rupa yang mana pengucapannya itu sentiasa mengalami perubahan konsepnya itu dari masa ke semasa. Mereka berpandangan permulaannya zaman purba lagi dengan penemuan kesan-kesan antropologi yang berbentuk objek harian seperti tembikar, tempat-tempat ibadah dan makam. Setiap objek itu mempunyai imajinasi-imajinasi natural yang dilukiskan dalam bentuk kaku. Seterusnya genre ini diaplikasikan dalam bentuk perhiasan oleh pengkarya-pengkarya 'upahan'⁴ untuk menterjemahkan imajinasi-imajinasi pada kitab-kitab suci kitab injil di zaman pertengahan. Pada zaman renaissance genre seni ini telah diolah dalam bentuk catan dalam pelbagai pendekatan pemahamannya

³ Walaupun sukatan pembelajarannya mengikut acuan seni barat, namun tatacara kami diajar masih berpaksikan nilai tradisi asia yang penuh dengan adab dalam disiplin pembuatan kerja.

⁴ Pengkarya-pengkarya 'upahan' itu membawa maksud karya yang diwujudkan oleh pengkarya itu bukanlah berteraskan kehendak mereka. Ia dihasilkan dari kehendak penaung seni yang membayar mereka bagi menghasilkan karya berdasarkan kemahuan penaung mereka.

dan zaman seterusnya kefahamannya mengenai genre ini telah dikembangkan dalam pembacaan yang lebih mencabar taakulannya. Sehingga kini genre seni ini masih juga diaplikasi oleh pengkarya menerusi pembacaan modenisme mahupun pasca-modenisme.

- 6 Menerusi perkara asas yang dibincang pada perenggan diatas, didapati 'Still Life' itu merupakan suatu naskah seni tampak. Pilihan idea penghasilannya itu dibentuk melalui pengamatan pengkarya dari pilihan objek-objek yang kaku. Reka letak objek-objek itu disusun/atur mengikut gagasan pengkarya lantas ia dijadikan wadah bagi melahirkan perasaan menerusi gaya representasi mahupun abstrak ataupun kedua-duanya sekali.
- 7 Dapatan dari pemahaman umum takrifan kata nama 'Still Life' itu didapati mereka cuba memanjangkan pengertian konsep kata namanya dalam pemahaman yang berlainan. Percubaan mereka itu mengusik hati sanubari dari golongan pensyarah-pensyarah senior, justeru itu kami⁵ menawarkan diri untuk membantu mereka bagi meleraikan struktur kata nama itu agar ia lebih terkait untuk diangkat sebagai kepala tajuk pameran.
- 8 Pada pandangan kami inisiatif mereka bagi merealisasikan pameran ini merupakan suatu usaha yang mulia. Inisiatif mereka itu haruslah diraikan bersama warga kerja di jabatan ini dengan berlapang dada. Walau bagaimanapun kata nama yang dicadang itu haruslah diteliti semula. Mungkin ia perlu dibuat sedikit pindaan agar kata nama ini sesuai diacukan sebagai kepala tajuk pameran. sedikit dari dasar idea asal yang dilontarkan mereka. Pindaan itu perlu dilakukan untuk membina jambatan dari pemahaman yang terdahulu kepada pemahaman mereka khasnya untuk pameran ini. Oleh itu bagi meleraikan kepala tajuk itu kami perlu memahami keseluruhan idea mereka bersandarkan pengamatan pernyataan karya mereka yang dicatatkan secara sederhana.

Ucapan Nada Idea.

- 9 Melalui hasil pengamatan penulisan mereka, didapati ucapan idea mereka itu digarap dari perkara-perkara yang berlaku disekeliling mereka. Perkara-perkara itu telah mengusik jiwa mereka lantas ia dijadikan pemangkin bagi menghasilkan karya. Mereka menterjemahkannya menggunakan kepelbagaian teknik dalam membentuk karya. Ia dilunaskan dalam bentukan seni dua dimensi dan juga tiga dimensi,

⁵ Perkataan kami disini merupakan sebuah kata nama khas yang mewakili dua penulis esei ini yakni Noor Azizan Rahman Paiman dan Izaddin Matrahah, mereka adalah pensyarah kanan di Jabatan Seni Halus.

menerusi gaya representasi ataupun abstrak. Namun ada juga diantara mereka secara kritikal mengambil keputusan cuba mencantumkan kedua-dua entiti ini secara berani bagi membentuk disiplin yang lebih mencabar dalam proses membentuk karya.

- 10 Perkara-perkara yang berlaku disekeliling mereka itu, isu-isunya diangkat dari persoalan masyarakat bertunjangkan perihal politik, ekonomi, budaya dan agama. Mereka membicarakannya berpandukan pengamatan perihal fungsi 'seni untuk seni' mahupun 'seni untuk masyarakat'. Kedua-dua entiti ini penting haruslah difahami fungsinya itu bagi meleraikan ketidakpastian khalayak bagaimana memahami kewujudan sesuatu karya baik dari sudut pembacaan bentuk mahu-pun makna.
- 11 Jika diamati secara kronologi, didapati pengkarya⁶ yang mengambil bahagian bagi merealisasi pameran ini keseluruhannya mendapat didikan asas seni di institusi ini dalam Jabatan Seni Halus. Sejak mula jabatan ini ditubuhkan (1967) kaedah pengajaran dan pembelajarannya itu berpaksikan amalan praktis studio. Pengisian subjek pelajarannya mengikut piawaian latihan praktis studio yang diamalkan oleh sekolah-sekolah seni bertaraf dunia baik di eropah mahupun di Amerika Syarikat.⁷ Namun pola pengisian subjeknya itu pemahamannya sentiasa berkembang mengikut tuntutan semasa.
- 12 Sejak dari awal dan sehingga kini, dalam amalan praktis studio pelajar ditekankan persoalan bagaimana membentuk karya yang baik berteraskan kemahiran pembacaan formalistik yang mapan. Kemahiran inidiselaraskan bersama pemahaman teknik bagi membentuk karya yang diacukan dalam bentuk dua dimensi mahupun tiga dimensi ataupun mengabungkan kedua-duanya sekali. Walau bagaimanapun ia perlulah didasari dengan pengamatan sesuatu 'benda' secara objektif mengikut topik sukatan mata pelajaran yang dirancang. Setelah memahami perkara-perkara asas ini, mereka mula menguhujahnya dalam pembacaan formalistik yang lebih kritikal pembacaannya.
- 13 Pada tahap berikutnya pelajar didedahkan idea berkenaan perhubungan bentuk dan makna. Pengamatan makna-makna itu digarap dalam dua kaedah pembicaraan ia adalah berkenaan seni untuk seni atau seni untuk masyarakat. Kaedah pertama makna itu diwujudkan berdasarkan

⁶ Pada amnya apabila rata-rata kakitangan akademik ini bersetuju untuk merealisasikan pameran ini, makanya istilah pensyarah muda dan pensyarah senior tidak sesuai lagi digunakan. Makanya kami menggunakan kata nama 'pengkarya' menggantikan kata nama 'mereka'.

⁷ Semenjak mula jabatan seni ini ditubuhkan rata-rata tenaga pengajarnya itu terdiri daripada mereka yang mendapat didikan seni rupa di luar negara. Mereka telah menjadi pemangkin dalam mengubah dimensi pengucapan idea dari masa kesemasa.

pengamatan pekara yang bersifat lahiriah, ia boleh dibaca secara objektif dari sudut perbincangan bahasa formalistik. Kedua pembicaraan maknanya berpaksi kepada pembicaraan seni untuk masyarakat itu diteliti secara subjektif. Kaedah penilaiannya bertumpu kepada isu-isu berlandaskan perihal masyarakat dengan menyantuni persoalan politik, ekonomi, budaya mahupun agama secara kritikal. Ia berteraskan pembacaan kritikal dari sudut pandangan ahli falsafah sosial.

- 14 Anutan kepercayaan membentuk seni untuk seni mahupun seni untuk masyarakat tidak pernah tergendala taakulannya. Sejak dari mula memasuki premis akademik dan sehingga kini kedua-dua anutan kepercayaan ini masih lagi diguna pakai dalam konteks pernyataan karya. Kini dengan tuntutan-tuntutan semasa dari sudut perubahan teknologi menjadikan maklumat berkenaan seni dan falsafahnya begitu cepat berubah. Makanya aktiviti penghasilan karya tidak dapat lagi dijinakkan dalam suatu pembacaan yang mutlak.
- 15 Nada idea yang diucapkan oleh mereka didapati kronologinya bersifat meraikan segala anutan kepercayaan dari entiti amalan sistem yang terdahulu hingga masakini. Justeru itu gambaran kata nama 'Still Life' itu harus dipinda konsepnya bagi meminda kefahaman asalnya, yang bermaksud penyantunan objek-objek yang kaku bagi dijadikan sandaran dalam membentuk karya. Kata nama itu haruslah diteliti semula pengucapannya, walau bagaimanapun ia bukan bermaksud memadamkan sama sekali konsep asal yang direncanakan oleh pensyarah-pensyarah muda ini.

Dari Still Live ke Still (a) Live.

- 16 Apabila meneliti kembali rangkuman pekara diatas didapati kata nama 'still life' itu tidak dapat mewakili kepelbagaian anutan kepercayaan dalam proses pembentukan karya mereka. Ia disebabkan penampilan ideanya itu tidak kaku seperti objek-objek mati yang disusun bagi tujuan penghasilan karya. Mereka ini adalah individu yang pemikiran ideanya telah menyantuni kepelbagaian pekara yang dikaitkan dengan bentuk dan makna.
- 17 Maka dengan itu kata nama 'still life' itu haruslah digelincirkan maknanya dari takrifan asal. Ia harus dilakukan bagi disesuaikan penggunaan kata namanya yang dapat membawa pemahaman baru (untuk sementara waktu) bagi dijadikan kepala tajuk untuk pameran ini.

- 18 Oleh itu kami merasakan kegelinciran makna ini boleh direalisasikan dengan menggunakan model semiotik sebagai sandaran bagi menambah baik kata nama 'still life' untuk pameran ini. Makanya kata nama itu perlulah diposisikan sebagai 'tanda' dalam wadah komunikasi.
- 19 Pengkajian ilmu 'tanda' ini diperkenalkan oleh ahli linguistik Ferdinand de Saussure (1857-1913). Buku yang bertajuk *A Course in General Linguistics* (1916).⁸ Beliau menjelaskan asas bagi membentuk konsep penelitian teori semiotik itu perlulah bermula dengan meneliti tanda-tanda yang wujud secara klinikal. Beliau menganggap semiotik itu adalah suatu ilmu bagi memperhalusi tanda-tanda kehidupan dalam aktiviti masyarakat. Namun ia haruslah dianalisa melalui pengamatan umumnya dari kesan psikologi sosial. Ia dikenali sebagai konsep dikotomi linguistik, dimana salah satu dikotominya itu adalah penelitian terhadap *signifier* dan *signified* (penanda dan petanda). Beliau berpendapat bahawa peranan linguistik itu bukan hanya tercakup sebagai wadah bagi menyatukan rantaian sesuatu nama dalam konteks bahasa sahaja. Penelitian itu juga perlu mencapah perspektif taakulannya kearah memperhalusi peranan bunyi mewakili konsep 'tanda' dalam kehidupan seharian (Berger, 2006:6-7).
- 20 Cantuman konsep dari bunyi itu mewakili 'tanda' (sign), lantas beliau mencadangkan bagi meneliti konsep 'tanda' ia perlu melusuri dua komponen asas, di mana ia dikenali sebagai *signifier* (citra bunyi) dan *signified* (lebih dikenali sebagai konsep). Pertalian taakulan komponennya itu bersifat terbuka, bagi beliau walaupun penjajaran sesuatu bahasa itu citranya tampak tiada kepadanan fizikal namun kewujudanya itu terlahir dengan sendirinya melalui pengalaman manusia mencipta 'tanda' sebagai wadah berkomunikasi, (Pooke & Newall, 2008: 92-93).
- 21 Pandangan sarjana ini menjadi sandaran asas bagi kami untuk meleraikan kata nama asal kepada pengucapan baru yang sesuai diacukan sebagai kepala tajuk pameran ini. Kata nama itu haruslah difahami tidak lebih hanya sebagai suatu tanda yang berfungsi sebagai pemecah struktur dari kata nama asal.
- 22 Bagi membentuk kefahaman yang tuntas mengikut konteks semasa (untuk pameran ini) kami cuba membincangkan secara berstruktur

⁸ Buku *A Course in General Linguistics* (1916) itu diterbitkan selepas tiga tahun kematian beliau (1913). Sumber asas informasi yang ada dalam penerbitan buku ini terdiri daripada nota-nota syarahannya. Pelajar serta rakan-rakannya menyusun kembali nota-nota tersebut dan direalisasikan sebagai sebuah buku yang penting dalam sejarah ilmu semiologi lantas membentuk ilmu semiotik .

konsepnya itu melalui tiga fasa. Fasa pertama dan kedua perbincangannya bertumpu kepada pengamatan pendefinisian yang sedia ada. Dari pengamatan kedua-dua fasa ini akan diselaraskan maksudnya untuk disesuaikan sebagai kepala tajuk pameran. Hasil dari pengamatan ini dapatannya akan dibincangkan di fasa ketiga, melalui perbincangan ini mungkin kata nama itu perlu sedikit pindaan. Pindaan itu harus dijadikan sandaran bagi membentuk kata nama yang lebih jelas bagi tujuan pameran ini.

Fasa 1 (still live)

Kata nama	Definisi	contoh ayat
Still Life	A painting or drawing of an arrangement of objects, typically including fruit and flowers and objects contrasting with these in texture, such as bowls and glassware.	<i>'a collector of Dutch and Flemish still lifes'</i> <i>'still-life composition'</i>
	[mass noun] The genre of still life painting or drawing.	<i>'a master of still life'</i>
Sumber dari : https://en.oxforddictionaries.com/definition/a		

- 23 Pada fasa ini kata nama itu diteliti sebagai suatu kata nama khas dimana ia diertikan sebagai suatu genre seni tampak dalam konteks penghasilan karya. Karya ini dihasilkan dengan menggunakan susunan objek-objek kaku sebagai wadah penghasilan karya. Namun apabila kita merujuk kembali kepada perbincangan diatas (pada perenggan 4, 7, 8, 9, 10, 14) didapati posisi kata nama itu tidak lagi membawa pengertian yang asal. Maka dengan itu kata nama ini harus distruktur semula bagi membentuk kata nama baru yang dapat diselaraskan sebagai kepala tajuk pameran .

- 24 Oleh itu, kata nama asal itu haruslah diterima sebagai suatu tuturan 'bunyi' yang kebiasaannya dinilai dalam premis genre seni rupa. Walau bagaimanapun apabila bunyinya itu cuba dilerai konvensinya mengikut tuntutan sesuatu pekara, kata nama khas itu perlulah dipecahkan dari nilai maknanya yang terdahulu. Justeru itu kata nama itu akan dipisahkan kepada dua, yakni 'still' dan 'live' dalam pengamatan fasa 2.

Fasa 2 (still)

Kata nama	Definisi	contoh ayat
Still (1)	Not moving or making sound.	'the still body of the young man' 'she sat very still, her eyes closed' 'he lay still, unable to move'
	1.1 (of air, water or the weather) undisturbed by wind, sound, or current; calm and tranquil. 1.2 British (of a drink) not effervescent	'her voice carried on the still air' 'a still autumn day' 'The best drinks for children are milk, which contains calcium and still water'
	NOUN 1 [mass noun] Deep silence and calm; stillness	'the still of the night'

	<p>2 An ordinary static photograph as opposed to a motion picture, especially a single shot from cinema film.</p>	<p>‘film stills’ [as modifier] ‘stills photography’</p>
	<p>ADVERB</p> <p>1. Up to and including the present or the time mentioned; even now (or then) as formerly.</p> <p>1.1 Referring to something that will or may happen in the future.</p>	<p><i>‘he still lives with his mother’</i> <i>‘it was still raining’</i></p> <p><i>‘He felt compelled to show that China might still have a future as great as the past.’</i></p>
	<p>2. Nevertheless; all the same.</p>	<p><i>‘How could he be stripped of the points for winning but still be recorded as the race winner?’</i></p>
	<p>3. Even (used with comparatives for emphasis)</p>	<p><i>‘While much has been accomplished, there is still more work to be done as we rebuild from the nation’s worst natural disaster.’</i></p>
	<p>VERB</p> <p>Make or become still; quieten</p>	<p><i>‘His mind cannot be stilled and new ideas will be born everyday.’</i></p>
	<p>Phrases</p> <p>Still and all</p>	

	Informal Nevertheless; even so.	<i>'The point of all of this is that still and all, I keep coming back.'</i>
Still (2)	NOUN An apparatus for distilling alcoholic drinks such as whisky.	
	Origin Mid 16 th century: from the rare verb still 'extract by distillation', shortening of distil.	
Sumber dari : https://en.oxforddictionaries.com/definition/a		

Fasa 2 (live)

Kata nama	Definisi	Contoh ayat.
Live (1)	<p>VERB</p> <p>Life (1) = <i>[no object]</i> Remain alive.</p> <p>1.1 <i>[with adverbial]</i> be alive at a specified time.</p> <p>1.2 <i>[with adverbial]</i> Spend one's life in a particular way circumstances.</p>	<p><i>'the doctors said she had only months to live'</i></p> <p><i>'both cats lived to a ripe age'</i></p> <p><i>'he lived four centuries ago'</i></p> <p><i>'people are living in fear in the wake of shooting'</i></p>

	<p style="text-align: center;"><i>[with object and adverbial]</i></p> <p>1.3 (live in/out) (of an employee or student) reside at (or away from) the place where one works or studies.</p> <p>1.4 Supply oneself with the means of subsistence</p> <p>1.5 (live through) Survive (an unpleasant experience or period)</p> <p>1.6 Survive in someone's mind; be remembered.</p> <p>1.7 Have an exciting or fulfilling life.</p> <p>1.8 (live for) Regards of purpose or most important aspect of one life.</p> <p>1.9 <i>archaic</i> (of a ship) escape destruction; remain afloat.</p>	<p><i>'he was living a life of luxury in Australia'</i></p> <p><i>'the development is designed to provide extra accommodation for undergraduates to enable all 400 to live in'</i></p> <p><i>'they live by hunting and fishing'</i></p> <p><i>'both men lived through depression'</i></p> <p><i>'only the name lived on'</i></p> <p><i>'he couldn't wait to get out of school and really start living'</i></p> <p><i>'Tony lived for his painting'</i></p> <p><i>'By some miracle of fate the boat lived through the storm.'</i></p>
--	--	--

Live (2)	Live (2) = <i>[no object, with adverbial]</i> Make one's home in a particular place or with a particular person. 2.1 <i>informal</i> (of an object) be kept in particular place.	<i>'they lived with his grandparents'</i> <i>'I told her where the coffee lived and when back to sleep'</i>
Sumber dari : https://en.oxforddictionaries.com/definition/a		

- 25 Apabila kata nama khas 'still live' itu dipisahkan kepada dua perkataan, didapati konvensi pengucapan maksudnya juga mengalami perubahan. Kata nama itu sudah tidak dapat lagi dijinakkan maknanya, justeru kata nama itu haruslah diteliti dalam perencanaan konteksnya.
- 26 Dalam meneliti kembali perbincangan idea melalui proses pembentukan karya (rujuk perenggan 9,10 dan 15). Kami mencadangkan kedua-dua perkataan yang terpisah ini disantuni fungsinya itu sebagai suatu kata nama khas bagi menerajui tajuk pameran ini. Walau bagaimanapun ia agak sukar dinilai lenggok bahasanya andai kata kita cuba memecahkannya kepada perkataan lain.
- 27 Oleh itu kata nama 'still life' itu masih juga diguna pakai, walau bagaimanapun konsepnya itu haruslah difahami bukan dari amalan kebiasaan yang diungkapkan sebagai suatu genre seni. Ia haruslah diungkap sebagai suatu tindanan perkataan dari dua entiti berbeza yang disatukan fungsinya bagi mewujudkan kata nama khas untuk pameran ini. Namun kata nama khas ini haruslah ditambah fungsi dengan perkataan lain. Penambahan ini perlu dilakukan bagi membentuk kepala tajuk pameran yang sesuai dijadikan wadah yang mewakili kepelbagaian disiplin bersifat individu dalam proses pembentukan karya.
- 28 Jika diamati kembali secara menyeluruh (perenggan 9 dan 10) didapati karya-karya itu dizahirkan tidak mempunyai persamaan antara satu sama lain dan kepelbagaian yang bersifat individu. Bagi menterjemahkan sifat individu itu, kami mencadang menindankan perkataan 'a' dan 'bracket' bagi membentuk suatu simbol yang diyakini

dapat menjadi suatu simbol mewakili sifat individu peserta yang mengambil bahagian dalam pameran ini.

- 29 Idea bagi mewujudkan simbol mewakili sifat individu ini akan direncanakan secara berstruktur dengan menyantuni kedua-dua patah perkataan itu menjadi suatu komponen baru. Maka dengan itu kami akan mengamati kedua-dua perkataan itu dengan meneliti kembali pendefinisianya didalam kamus.

'a'

Kata nama	Definisi	contoh ayat
a	Used to mentioning someone or something for the first time in a text or conversation.	<p><i>'a man came out of the room'</i></p> <p><i>'An internal report written by a manager at the nuclear waste reprocessing plant was leaked this week'</i></p>
Sumber dari : https://en.oxforddictionaries.com/definition/a		

- 30 Apabila mengamati kembali kata nama 'a', ia membawa pengertian mengenai sesuatu perkara, dimana perbincangan utamanya mengenai kehadiran sesuatu benda. Benda yang dibincang itu mewakili perkara yang spesifik mengenai manusia⁹ mahupun objek. Kata nama ini boleh dicadangkan diaplikasi sebagai suatu metafora yang mewakili sifat-sifat peribadi peserta dalam membentuk karya mereka.

- 31 Walaupun kata nama itu boleh dicagarkan sebagai metafora yang mewakili sifat-sifat peribadi pengkarya itu tadi. Namun ia masih tidak dapat mengawal 'premis keperibadian' pengkarya. Untuk mengawal

⁹ Manusia disini membawa maksud pengkarya yang mengambil bahagian dalam pameran ini.

premis itu kata nama 'bracket' perlu diketengahkan dan dinilai fungsinya itu sebagai pengawal premis keperibadian kata nama 'a'.

Bracket

Kata nama	Definisi	contoh ayat
Bracket	<p>Noun</p> <p>1. Each of a pair of marks (), [], {}, <> used to enclose words or figures so as to separate them from the context.</p>	<p><i>'symbols are given in brackets'</i></p> <p><i>'The figures in brackets are arrived at classifying the most common Italian openings into these three groups.'</i></p>
<p>Sumber dari : https://en.oxforddictionaries.com/definition/a</p>		

- 32 Apabila kata nama 'bracket' itu diamati, didapati peranannya boleh diacukan sebagai sistem pengawalan premis dalam konteks ruangan peribadi. Walau bagaimanapun kami merasakan perkataannya itu haruslah disantuni sebagai suatu tanda. Makanya kami mencadangkan perkataan itu digantikan dengan tanda '()' bagi mewakili premis peribadi itu.
- 33 Melalui perbincangan diatas (perenggan 31 dan 32), didapati kedua-dua perkataan ini yakni 'a' dan '()' itu haruslah disatukan menjadi simbol '(a)'. Simbol ini mewakili ruang keperibadian peserta dalam proses membentuk karya.

Kesimpulan

Still (a) live merupakan suatu pameran yang telah berjaya menggabungkan sebahagian besar kakitangan akademik dari Jabatan Seni Halus. Kehadiran pameran ini diharap dapat dijadikan sandaran bagi menjawab kepada khalayak bahawasanya mereka masih lagi berkarya. Pameran ini juga telah membawa petunjuk yang kreativiti mereka dalam proses membentuk karya telah mengimarahkan segala bentuk seni karya baik yang bersifat konservatif mahupun yang sezaman. Melalui karya-karya yang dihidangkan ia membawa petunjuk bahawa nadi seni mereka tidak pernah mati.

Kami mewakili pensyarah-pensyarah senior amat berbesar hati ingin mengucapkan trilionasi terima kasih dan syabas kepada pensyarah-pensyarah muda ini. Kerana inisiatif pemula dari mereka itulah akhirnya pameran ini dapat direalisasikan dengan jayanya.

Esei kecil ini bukanlah suatu penulisan yang baik, namun kami berharap melalui penulisan kecil ini ia dapat dijadikan sandaran bagi peserta-peserta memanjangkan nilai kreativiti pembentukan karya itu dalam bentuk penulisan ilmiah. Walau bagaimanapun kaedah penulisan ilmiah itu haruslah jangan dikongkong dengan suatu protokol yang begitu tertib penampilannya. Penulisan itu haruslah dilaksanakan dengan penuh layangan idea yang penuh kreatif, namun nilai ilmiah itu masih boleh dibaca kesarjanaannya itu. Harapan kami pameran ini dapatlah direncanakan pada setiap tahun dan kami mengucapkan syabas untuk kesemua yang mengambil bahagian bagi menjayakan pameran ini.

Rujukan

- 1 Syed Ahmad Jamal, 1987, *Seni Lukis Malaysia 57-87*. Kuala Lumpur: Balai Seni Lukis Negara.
- 2 Mulyadi Mahmood, 1993. *Mendekati Seni Lukis dan Seni Reka*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- 3 Sarena Abdullah, 2018. *Malaysia Art Since The 1990's, Postmodern Situation*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- 4 UiTM (Universiti Teknologi MARA) official website, <http://www.ad.uitm.edu.my>, dilayar pada 15 Oktober 2018

- 5 <https://en.oxforddictionaries.com/definition/a>
- 6 Colin Saxton, 2003. *Art School, An instructional guide based on the teaching of leading colleges*. London: Quantum Publishing.
- 7 Paul Cobley & Litza Jansz, 2010. *Introducing Semiotics*. London: Icon Books
- 8 T.K Sabapathy, Krisen Jit, Redza Piyadasa, Zainol Sharif, 1994. *Vision and Idea*, Kuala Lumpur: National Art Gallery
- 9 Whitman, Graham & Pooke, Grant, 2010. *Understanding Contemporary Art*, London: Hodder Education
- 10 Ian Chilvers, 1999. *Dictionary of Twentieth- Century Art*, New York: Oxford University Press.